

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)35

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

35. Apakah pelan mitigasi dan adaptasi yang telah atau sedang dirangka oleh Kerajaan Negeri bagi menangani ancaman kenaikan paras laut yang direkod dalam laporan NASA iaitu paras laut global meningkat lebih cepat pada tahun 2024 khususnya untuk melindungi kawasan-kawasan yang berisiko tinggi?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

35. Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerusi agensi seperti Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang melaksanakan langkah-langkah mitigasi dan adaptasi bagi menangani ancaman kenaikan paras laut yang semakin membimbangkan seperti yang turut disahkan oleh laporan *National Aeronautics and Space Administration* (NASA) pada tahun 2024.

Contohnya, agensi seperti MBSP telah mengenakan sekatan pembangunan di kawasan pesisir yang berisiko serta mewajibkan penilaian impak alam sekitar (EIA) bagi semua projek pembangunan di kawasan terlibat. Selain itu, pemantauan paras laut dan peningkatan sistem saliran dijalankan secara berterusan, di samping penggunaan teknologi seperti satelit dan model ramalan cuaca bagi meramalkan banjir pesisir. Program kesedaran komuniti seperti penanaman bakau dan pembersihan pantai turut digiatkan bersama.

Bagi pihak MBPP pula, usaha tersebut dapat diperhatikan melalui kajian Draf Rancangan Tempatan MBPP 2035 yang memasukkan isu kenaikan paras laut sebagai komponen penting dalam elemen Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS). Selain itu, dengan berpandukan kepada garis panduan seperti Dasar Alam Sekitar Negara (DASN), Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (GPPPP KSAS) dan dokumen Rancangan Fizikal Zon Pesisir Pantai Negara Kedua (RFZPPN2) akan membantu dalam mengawal Pembangunan dan memastikan kelestarian kawasan zon persisiran pantai kekal terpelihara.

Selain itu, permohonan pembangunan di kawasan pesisir kini disemak lebih ketat dengan syarat penetapan aras platform yang lebih tinggi daripada aras laut maksimum. MBPP juga melaksanakan langkah-langkah seperti pemasangan *flap gate* di kawasan rendah serta menaikkan aras jalan di lokasi yang kerap dilanda banjir kilat dan kenaikan air laut.

Sementara itu, PLANMalaysia di peringkat Persekutuan sedang menyediakan Draf Dasar Perbandaran Negara Ketiga (DPN3) yang akan memperkukuh daya tahan bandar melalui pembangunan infrastruktur tahan bencana, mitigasi dan adaptasi perubahan iklim, teknologi moden dalam pengurusan perubahan iklim dan pendekatan perancangan bandar berasaskan alam semula jadi.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sentiasa memantau kawasan pesisir pantai dan melaksanakan langkah pencegahan segera sekiranya berlaku limpahan air laut, tertakluk kepada peruntukan tahunan.

Bagi jangka panjang, tiga projek berkaitan fenomena air pasang besar sedang dilaksanakan di Bagan Ajam di Byram, Nibong Tebal dan Pantai Mak Minah, Juru.

Selain itu, JPS Malaysia sedang menjalankan Kajian Semula Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (ISMP) Negeri Pulau Pinang yang dijangka bermula Jun 2025 selama 24 bulan. Skop kajian merangkumi hakisan pantai, kesan terhadap alam sekitar, perubahan morfologi muara sungai, strategi pembangunan pesisir, garis panduan pembangunan dan pembangunan Sistem Sokongan Keputusan (DSS). Cadangan kajian ISMP akan dilaksanakan secara berperingkat.